

BAB 3

ASPEK BAHASA DALAM RETORIK

3.0 Pengenalan.

Menurut Panggabean (1981:vii), peribahasa Perancis ada mengatakan "*Bahasa diberikan kepada manusia untuk menyembunyikan fikirannya*". Versi lain peribahasa Perancis berbunyi "*Bahasa digunakan untuk menyembunyikan fikiran-fikiran kita*". Menurut sejarah, peribahasa ini pertama kali diucapkan oleh Talleyrand, Menteri Luar Perancis setelah runtuhnya pemerintahan Napoleon manakala peribahasa kedua diucapkan oleh Fouché, Menteri Kepolisian Perancis pada masa itu.

Kedua-dua contoh ini menjelaskan betapa pentingnya bahasa untuk politik kerana kedua-dua peribahasa yang disebutkan di atas diucapkan oleh dua orang tokoh politik. Tokoh-tokoh politik ini mempergunakan bahasa bukan sahaja untuk menyatakan pendapatnya atau fikirannya, bahkan juga untuk menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat secara halus.

Bahasa digunakan dalam pidato-pidato, ceramah-ceramah, keputusan-keputusan, resolusi-resolusi, pernyataan, dan sebagainya. Melalui cara-cara komunikasi inilah diusahakan penggunaan bahasa yang efektif untuk mempengaruhi

khalayak pendengar. Dalam politik, terdapat dua fungsi bahasa yang penting, yaitu fungsi pemujukan dan fungsi mengancam.

Menurut Maimunah (1993:10-11), penutur mempunyai empat tujuan apabila menyusun kata-kata, frasa, klausa, dan ayat-ayat dalam teks ucapannya. Oleh itu, bahasa penutur hendaklah:

- i. Jelas.
- ii. Menarik.
- iii. Sesuai dengan audien.
- iv. Berkaitan dengan sesuatu keadaan.

Dalam bab ini, akan dibincangkan aspek-aspek bahasa seperti aspek ragam bahasa, aspek gaya bahasa dan pemilihan diksi. Kepelbagaian penggunaan aspek bahasa yang terkandung dalam ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang akan dikupas untuk dilihat kelainan penggunaan bahasa dalam retorik kempen pilihan raya beliau.

3.1 Ragam Bahasa

Aspek bahasa pertama yang akan dibincangkan merupakan ragam bahasa. Seperti juga bentuk-bentuk bahasa yang lain, ceramah pilihan raya memiliki ragam

bahasanya yang tersendiri. Penggunaan kepelbagaian ragaman bahasa mampu menimbulkan kesan positif di kalangan para khalayak. Seperti yang kita sedia maklum, tujuan atau fokus utama dalam ceramah pilihan raya adalah untuk memancing lebih ramai pengundi agar memilih seseorang calon apabila pilihan raya dijalankan.

Dengan ini, para penceramah politik seharusnya memiliki kemahiran yang cukup apabila berdepan dengan khalayak agar setiap perkara yang diperkatakan atau dibangkitkannya berupaya memujuk emosi khalayak. Dalam hal ini, sudah tentulah kecekapan berbahasa amat ditekankan. Bahasa yang stereotaip tanpa ada naik turun nada, tanpa ada nilai estetikanya dan tanpa ada ragamnya akan membosankan khalayak meskipun penutur atau penceramah sedang memperdebatkan sesuatu isu yang hangat.

Menurut Za'ba (2002: 211) ragam bahasa mampu "*...menguatkan tujuan kata dan mempertajamkan hasilnya kepada faham pendengar dan pembaca.*" Bagi Kamarudin & Siti Hajar (1997: 48), ragam bahasa adalah satu unsur bahasa dan bukannya unsur makna. Maksud beliau di sini ialah makna yang sama boleh sahaja diungkapkan dalam beberapa ragam.

Za'ba mengelaskan 15 jenis ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, pertanyaan ingkar, bahasa seruan

atau mengeluh, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan, dan bahasa jenaka. Namun begitu, hanya 8 jenis ragam yang terdapat dalam contoh ceramah oleh Abdul Hadi Awang sahaja yang akan dibincangkan. Antara ragam yang ditemui ialah:

- i. bahasa tempelak
- ii. bahasa mengejek
- iii. bahasa herdik
- iv. bahasa melampau
- v. bahasa naik
- vi. bahasa turun
- vii. bahasa berulang
- viii. bahasa bukan

3.1.1 Bahasa Tempelak

Menurut Za'ba (2002: 214), bahasa tempelak ialah:

“...bahasa tepat yang menunjukkan kesalahan seseorang kemudian daripada telah dilakukannya, supaya ia sedar akan taksirnya pada masa sebelum dilakukannya dahulu, dan supaya ia ingat pada masa yang ke hadapan pula.”

Kamarudin & Siti Hajar (1997: 51) pula mendefinisikan bahasa tempelak ialah "... *cela atau cerca yang pedas dengan membangkit-bangkitkan keburukan atau kesalahan yang sudah-sudah. Biasanya, kecaman yang diberikan itu berpunca daripada sikap seseorang yang tidak mahu mendengar nasihat.*"

Bentuk bahasa ini bertujuan untuk memulangkan paku buah keras atau membalikkan percakapan seseorang yang telah dituturkan sebelum ia sendiri melakukan kesalahan itu. Dalam ceramah-ceramah politik, unsur ragam ini turut digunakan oleh calon pilihan raya dalam usahanya untuk menunjukkan keburukan pihak lawan di mata khalayak.

Dalam ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang, unsur bahasa tempelak turut digunakan seperti contoh di bawah:

Contoh:

- i. Siapa yang nak memerintah negeri kita, biarlah dia. Hindu ke nak memerintah, Kristian nak memerintah ke, orang nak bawa naik babi atas masjid ke, tak jadi masalah. Kita bawa diri kita sahaja. Adakah ini satu peningkatan di dalam perjuangan Islam? Adakah ini suatu peningkatan di dalam menjalankan kerja Islam?
- ii. Kita menghapuskan cukai pintu rumah kediaman, kita menghapuskan cukai bakul, cukai bakul dihapuskan. Kalau ada lagi itu hok gatal tangan nak kutip jugak. Hok yang tukang bayar tu pasal apa gi bayar jugak? Tidakkah kita hapuskan? Ke saja nak masuk dalam tv. Ha, sila masuk dalam tv.

- iii. Keputusan kita menghapuskan cukai bakul. Yang tukang jual tu gi bayar buat apa? Yang tukang kutip tu gi kutip buat apa? Tidak ke kita menghapuskan? Dengan tujuan nak masuk suratkhobar, nak siar dalam tv, dan tv ni pulak galak. Nak siar berita-berita yang negatif, nak menyiarkan berita-berita yang memburukkan kerajaan negeri.

Bagi contoh (i) penutur menempelak sikap individu parti PAS yang sanggup keluar dari parti tersebut semata-mata ingin mencari 'sesuatu' yang dirasakan tiada dalam parti PAS dan akhirnya menjadi orang yang tidak kisah terhadap perjuangan untuk menegakkan sebuah negara Islam.

Contoh (ii) dan (iii) pula adalah unsur tempelak yang ditujukan kepada sesetengah individu yang masih mengutip cukai bakul dan tindakan pihak-pihak tertentu yang membayar cukai bakul sedangkan ia telah dihapuskan oleh kerajaan PAS apabila mengambil alih pemerintahan di negeri Terengganu. Tempelak turut dikenakan terhadap stesen televisyen yang dikatakan terlalu ghairah untuk menyiarkan berita-berita yang memaparkan tentang kelemahan parti PAS.

Tempelak yang dituturkan oleh penutur seperti di atas pasti memberikan kesedaran kepada khalayak pendengar betapa pentingnya sokongan yang padu diberikan kepada penutur yang berjuang untuk menubuhkan sebuah kerajaan Islam. Beliau juga mahu khalayak menghargai segala usahanya dan kerajaannya untuk memajukan kehidupan penduduk Terengganu.

3.1.2 Bahasa Mengejek

Menurut Za'ba (2002: 212), bahasa mengejek ialah:

“...bahasa yang mengata akan seseorang atau sesuatu sekumpulan dengan perkataan yang tepat tetapi dengan gaya yang mengajukkan keburukan serta mempermain-mainkan dia supaya nampak bodohnya dan sia-sianya, atau supaya ditertawakan orang akan dia. Sebab itu tetap sahaja akan membangkitkan marah dan sakit hati orang yang dikata itu.”

Kamarudin & Siti Hajar (1997: 56) mendefinisikan ragam ini sebagai bahasa yang digunakan untuk berkata kepada seseorang atau sekumpulan orang dengan menggunakan perkataan yang tepat tetapi dengan gaya yang menunjukkan keburukannya serta mempermain-mainkannya. Ia bertujuan untuk menampakkan kebodohan orang itu, atau mensia-sia hasrat orang itu supaya orang itu ditertawakan oleh orang lain. Dengan kata lain, bahasa yang digunakan untuk tujuan mempersenda dan mengejek ini ialah bahasa yang berterus-terang.

Dalam data ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang, ragam bahasa mengejek turut digunakan oleh beliau seperti contoh-contoh berikut:

Contoh:

- i. Kita parti PAS berani menyebut parti kita parti Islam. Kalau UMNO rasa nak juga, bolehlah. Kalau dia berasa nak juga, ha, sila! Tapi dia tak berani. Dia pun tahu parti dia tidak memperjuangkan Islam sepenuhnya.
- ii. Ini menunjukkan kejahilan mereka berkenaan dengan agama Islam. Oleh kerana itulah dia tak boleh nak berlawan dengan PAS. Dia cuba nak berlawan PAS, dia berlakon berdebat sama-sama dia. PAS sebelah, UMNO sebelah. Alah dia. Hak dia berlakon pun pun alah dia jugak! Belum lagi debat sungguh.
- iii. Dalam bahasa Malaysia dan Indonesia sudah banyak buku berkenaan dengan negara Islam. Menunjukkan bahawa Dr. Mahathir ni tak baca. Dia tak baca buku sebenarnya. Ataupun ulamak-ulamak dia tak baca kitab.

Dalam contoh (i) di atas, ejekan tersebut ditujukan kepada anggota parti UMNO ketika penutur memperkatakan tentang isu 'parti Islam', iaitu penutur mengejek pihak lawan agar berani mengatakan bahawa parti UMNO juga merupakan sebuah parti Islam. Ini kerana, menurut penutur parti UMNO bukanlah sebuah parti yang memperjuangkan Islam sepenuhnya. Bagi contoh (ii), penutur mengejek pihak UMNO yang dikatakan tidak mampu mengalahkan parti pimpinan penutur apabila berdepan dengan isu 'parti Islam'. Tambahan pula, dalam contoh (iii), penutur mengatakan bahawa pengetahuan Dr. Mahathir dan para ulamak negara tentang agama Islam adalah cetek kerana mereka tidak membaca buku-buku berkenaan Islam.

Dalam ceramah politik, bahasa mengejek yang digunakan seperti dalam ketiga-ketiga contoh di atas sering digunakan oleh seseorang calon untuk menunjukkan kelemahan pihak lawan. Meskipun ejekan penutur tidaklah diyakini kebenarannya namun, rata-rata khalayak pendengar menerima ejekan tersebut sebagai satu kebenaran.

3.1.3 Bahasa Herdik

Menurut Za'ba (2002: 214), bahasa herdik ialah:

“... seakan-akan bahasa tempelak juga, tetapi tujuannya menunjukkan kesalahan pada masa sekarang bukannya pada masa yang telah lalu, dan perkataannya kerap dengan kasar serta mengandung perasaan mengejek sedikit.”

Menurut Kamarudin & Siti Hajar (1997: 65) pula, bahasa herdik seakan-akan bahasa tempelak juga tetapi tujuannya untuk menyatakan kesalahan pada masa sekarang bukannya pada masa yang telah silam. Perkataan yang digunakan agak keras dan kasar untuk memarahi atau menengking serta mengandung sedikit perasaan mengejek.

Seperti kebanyakan ceramah politik yang diadakan, ragam bahasa mengherdik turut diujarkan oleh Abdul Hadi Awang. Antara contoh yang terdapat adalah seperti berikut:

Contoh:

- i. Kita baru memerintah setahun lebih. Dia kata kita tak buat apa-apa. Yang mu memerintah 40 tahun buat menatang (binatang) apa? Yang memerintah 40 tahun kemudian 20 tahun pulak dengan royalti petroleum. Kamu buat apa dalam masa 20 tahun? Bangsa jenis muka tak malu!
- ii. Bila kita memerintah, kita nak buat tu, nak buat ni, barulah ada duit ehsan. Baru ada duit ehsan! Selama ni tak ada duit ehsan. 20 tahun tak reti (pandai) nak fikir. Bodoh!

Dalam contoh (i) dan (ii), penutur telah menggunakan perkataan yang kasar seperti *muka tak malu*, *bodoh*, dan *menatang* (dialek Terengganu yakni binatang) sewaktu meluahkan kemarahannya terhadap segelintir pemimpin parti UMNO. Mereka mempersoalkan tentang sumbangan yang telah dibuat oleh kerajaan pimpinannya sedangkan beliau baru sahaja dua tahun menerajui pimpinan kerajaan di Terengganu.

Penutur mengherdik tuduhan pihak lawan yang mempersoalkan tentang ketiadaan perubahan yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan penutur (PAS). Di sini penutur telah membuat perbandingan, iaitu usia pemerintahan kerajaan PAS di negeri

Terengganu baru menjangkau setahun sedangkan kerajaan UMNO telah memerintah negeri Terengganu selama 60 tahun tetapi tiada pembaharuan yang dilakukan oleh pihak pemerintah UMNO. Begitu juga dengan isu pemberian wang ehsan oleh pihak UMNO kepada penduduk Terengganu semasa pihak PAS mula memerintah di sana, turut dipertikaikan.

Bahasa herdik yang digunakan oleh penutur seperti di atas mampu memberikan impak yang negatif terhadap kewibawaan pihak lawan, iaitu UMNO. Khalayak yang hanya menerima sahaja kata-kata penutur pasti beranggapan bahawa pihak lawan memiliki sifat yang buruk memandangkan yang menuturkannya merupakan seorang yang dihormati kerana pegangan agamanya.

3.1.4 Bahasa Melampau

Menurut Za'ba (2002: 215), bahasa melampau ialah:

“... iaitu ragam bahasa yang mengatakan sesuatu perkara itu sangat besar dan sebagainya dengan perkataan melebihi-lebih daripada yang sebenar. Dan semua orang mengerti bukan sungguh seperti yang dikatakan oleh perkataan itu.”

Kamarudin & Siti Hajar (1997: 61) pula mengatakan bahawa bahasa besar atau melampau ialah bahasa yang menyatakan sesuatu perkara dengan cara yang agak melampau, malahan dalam beberapa hal memang tidak masuk akal. Bahasa ini berlaku apabila kita sengaja memperbesar-besarkan keterangan tentang sesuatu perkara. Contoh daripada data adalah seperti yang berikut:

Contoh:

... kita hendaklah menghadapi perkara ini dengan sabar dan Insya-Allah kita telah sedar dan kita sebarkan kepada rakyat supaya walaupun ceramah kita pada malam ini tidak panjang, dalam 15 minit sahaja tapi kesan dia 15 tahun, Insya-Allah. Kesan dia 15 tahun supaya rakyat faham, rakyat mengerti kesannya lebih dari ceramah lagi...

Daripada contoh di atas, jelas kepada kita bahawa penutur berharap rakyat akan sedar tindak-tanduk pihak lawan yang sentiasa berusaha untuk melemahkan parti pimpinan penutur. Oleh itu, penutur mengharapkan ceramah yang disampaikan kepada pengikutnya akan memberikan kesan yang mendalam terhadap diri mereka meskipun ceramah itu dibuat dalam jangka masa yang terlalu singkat, iaitu 15 minit.

Penggunaan bahasa melampau dalam konteks ucapan mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap khalayak pendengar, iaitu mampu memperlihatkan kesungguhan kata-kata oleh penutur. Selain itu, penutur seolah-olah ingin khalayak

berfikir tentang mesej yang disampaikan olehnya. Di samping itu, penggunaannya juga telah mempelbagaikan ciri-ciri keindahan berbahasa oleh penutur.

3.1.5 Bahasa Naik

Menurut Za'ba (2002: 216), bahasa naik ialah:

“... ragam yang menguatkan tujuan kata dengan membawakan ke hadapan hati pembaca gambar-gambar fikiran yang beransur-ansur naik dari dataran yang kendur kepada dataran yang semakin terik dan semakin tegang.”

Dengan kata lain, bentuk bahasa atau ungkapan ini membawa makna meningkat dari bawah hingga ke atas atau dari kecil kepada yang lebih besar (Ab. Razak Ab. Karim, 1994: 86).

Menurut Kamarudin & Siti Hajar (2002: 59 - 60), perbicaraan akan dimulai dengan persoalan yang berkaitan terus namun persoalan tersebut tidak sampai mengganggu emosi pendengar atau pembaca. Perbicaraan awal merupakan gambaran kepada persoalan yang sedikit demi sedikit akan menjelaskan maksud sebenar.

Dalam data kajian, jenis ragam ini turut digunakan oleh Abdul Hadi Awang, iaitu berdasarkan contoh-contoh berikut:

Contoh:

- i. Mereka takut penyelewengan mereka didedah, mereka takut penipuan mereka didedah, mereka takut kejahatan mereka didedah, mereka takut kezaliman mereka didedah dengan mereka menimbulkan berbagai-bagai isu.
- ii. Kita menyatakan Islam dengan tegas, bermula daripada mengislamkan individu, orang perseorangan, tiap-tiap orang, sehinggalah kita mahu mengislamkan kerajaan, mengislamkan negara.
- iii. Makin musuh memandang kita lebih hebat, makin lebih jahat tindakan-tindakan mereka, makin lebih kuat tekanan-tekanan yang dilakukan oleh mereka.
- iv. Orang yang gagah berani di dalam memperjuangkan Islam, makin banyak mereka beribadat, makin banyak mereka mengabadikan diri kepada Allah, makin berani mereka menyatakan yang 'haq', makin berani mereka mahu mengakkan negara Islam.

Dalam contoh (i) di atas, penutur memulakan bahasa naiknya dengan ungkapan *penyelewengan* seterusnya naik ke tahap *penipuan*, *kejahatan* dan akhirnya *kezaliman*. Kezaliman merupakan darjah yang paling tinggi bagi sifat negatif yang ada pada diri seseorang manusia. Seseorang yang memiliki sifat yang zalim dikaitkan dengan seseorang yang 'tidak berhati perut' ataupun 'tidak berperikemanusiaan'. Berbeza pula dengan penyelewengan dan penipuan, iaitu

pelakunya masih memiliki fikiran yang positif dan berperasaan baik terhadap manusia yang lain. Tindakan ini pula tidaklah membawa kemudharatan yang besar berbanding dengan sifat zalim.

Begitu juga dengan contoh (ii) di atas yang agak jelas tahap naiknya, iaitu bermula dengan *individu, orang perseorangan, tiap-tiap orang, kerajaan* dan seterusnya *negara*. Di sini, penutur memulakannya dengan individu (seorang), tiap-tiap orang (kumpulan atau masyarakat), kerajaan (sebuah organisasi besar dalam sesebuah negara), dan akhirnya negara (keseluruhan penduduk sesebuah negara). Perkara ini bolehlah diumpamakan seperti orang yang menaiki tangga, iaitu perlu menapak setiap anak tangga untuk naik ke atas (Kamarudin & Siti Hajar, 1997: 60).

Justeru, dalam bahasa menaik, perasaan pendengar amatlah penting kerana faktor ini menentukan peranan bahasa menaik sama ada menaikkan semangat, menimbulkan perasaan marah, suka benci, hiba atau sebagainya terhadap orang yang ditunjukkan kata-kata tersebut.

3.1.6 Bahasa Turun

Menurut Za'ba (2002: 216), bahasa turun ialah:

“... bahasa yang dituturkan dari dataran yang tegang turun kepada dataran yang kendur, ... kerap-kali berisi perasaan menggelikan hati sama ada disengaja atau tiada disengaja.”

Kamarudin & Siti Hajar (1997: 59), mendefinisikan bahasa turun sebagai bahasa dari dataran yang menggambarkan satu permulaan yang penuh ketegangan atau klimaks, dan kemudiannya mulai turun sedikit demi sedikit, dan akhirnya kembali kepada keadaan normal.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2002: 87) pula, dalam bahas menurun, nada atau emosi seseorang itu mulai kendur. Ini biasanya berlaku apabila seseorang itu berasa marah atau geram tetapi perasaan itu menjadi hilang apabila mendengar lawak atau kata-kata yang melucukan. Contoh yang dipetik daripada data seperti yang berikut:

Contoh:

- i. Allah s.w.t menjanjikan akan ada golongan dan puak yang mempertahankan Islam, yang dinamakan parti, yang dinamakan jemaah, yang dinamakan kumpulan, yang dinamakan pertubuhan di mana parti, jemaah dan pertubuhan ini menamakan diri mereka dengan nama Allah dan dengan nama Islam.
- ii. Kristian mengambil peluang daripada jatuhnya Islam di Sepanyol dengan mereka membunuh ulamak-ulamak, membunuh orang-orang Islam, orang yang bernama Islam.

- iii. Seolah-olah hukum hudud yang diwajibkan oleh Allah satu hukum yang zalim, satu hukum yang mengerunkan, satu hukum yang menakutkan, satu hukum yang membimbangkan orang-orang bukan Islam.

Dalam contoh-contoh di atas, kita akan dapati bahawa ungkapan-ungkapan yang bergaris dimulakan dengan klimaks dan kemudiannya mulai turun sedikit demi sedikit dan akhirnya kembali kepada keadaan yang kendur atau normal. Misalnya dalam contoh (iii) ia dimulakan dengan *zalim*, *mengerunkan*, *menakutkan* dan akhirnya turun ke tahap *membimbangkan* sahaja. Ungkapan 'zalim' dan 'membimbangkan' merupakan dua perkara yang amat berbeza, iaitu 'zalim' adalah satu bentuk perlakuan buruk yang didorong oleh nafsu, yang boleh membawa kemusnahan kepada orang lain manakala 'membimbangkan' pula hanyalah satu bentuk perasaan dalaman seseorang.

Pada tahap ini bahasa menurun yang digunakan penutur berjaya mengendurkan emosi khalayak pendengar. Meskipun penggunaannya tidak disertakan dengan unsur lawak, fikiran khalayak yang tegang mampu diredakan secara tidak langsung atau tanpa disedari oleh khalayak pendengar itu sendiri. Dalam ucapan politik, penggunaan bahasa turun didapati berguna dipraktikkan oleh penutur untuk bermain-main dengan emosi khalayak pendengar dan sekaligus memancing khalayak agar terus khusyuk mendengar ucapan yang diberikan.

3.1.7 Bahasa Berulang

Menurut Za'ba (2002: 218), bahasa berulang:

“...yaitu semata-mata mengulang sesuatu perkataan atau ayat atau cabang ayat dua tiga kali dengan tujuan hendak menguatkan maksudnya.”

Penggunaan bahasa ini mengandung unsur perulangan sama ada pada perkataan, ayat atau bahagian ayat dengan tujuan untuk menguatkan sesuatu maksud yang hendak disampaikan.

Dalam data ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang, ragam bahasa berulang turut digunakan sama ada pengulangan pada perkataan atau frasa dalam ayat yang sama.

Contoh:

- i. Kita perlu memahami secara ilmu bahawa Islam ialah satu agama yang baik, satu agama yang adil, satu agama yang membawa rahmat kepada seluruh umat manusia, bukan sahaja manusia Islam, termasuk juga manusia bukan Islam.
- ii. Insya-Allah, kita akan menghadapi keadaan ini dengan sabar, dengan bijaksana dan kita sama-sama bertekad untuk membuat perubahan, untuk membuat perubahan.

- iii. Sekiranya kita bersyukur dengan kadar yang diberi kepada kita oleh Allah s.w.t, apa sahaja nikmat yang diberi dan nikmat yang paling besar ialah nikmat Islam, nikmat kemenangan Islam, nikmat kekuatan iman, nikmat keteguhan pendirian yang diberi kepada kita oleh Allah s.w.t.

Dalam contoh (i) pengulangan dibuat terhadap ungkapan *satu agama yang* dan perkataan *manusia*. Penutur boleh sahaja mengatakan bahawa *Islam ialah satu agama yang baik, adil dan membawa rahmat kepada seluruh umat manusia baik yang Islam mahupun bukan Islam*. Oleh itu, unsur yang diulang tersebut boleh digugurkan dalam ayat ucapannya. Begitu juga dengan contoh (iii) penutur mengulang ungkapan *nikmat* sedangkan boleh menyebutnya sebagai *nikmat yang paling besar ialah nikmat Islam, kemenangan Islam, kekuatan iman, dan keteguhan pendirian*.

Namun demikian, penutur sebenarnya ingin menguatkan hujahnya agar khalayak pendengar memahami dan jelas terhadap setiap perkara yang diperkatakannya. Penutur seboleh mungkin cuba menunjukkan kepada khalayak yang rata-ratanya beragama Islam tentang pentingnya menyemai amalan Islam dalam seluruh corak kehidupan agar hidup diberkati oleh Allah. Justeru, penutur secara halus memujuk khalayak agar memberikan sokongan kepada dirinya dan partinya yang dikatakan sebuah parti yang bertunjangkan Islam.

3.1.8 Bahasa Bukan

Menurut Za'ba (2002: 220) bahasa bukan ialah:

“...ragaman bahasa yang memakai perkataan ‘bukan’ dahulu daripada sesuatu perkataan lain, tetapi tujuannya mengatakan ‘ia’ yang kuat bagi lawan yang dibukankan itu.”

Ragam bahasa bukan turut digunakan oleh penutur sewaktu menyampaikan ceramahnya. Meskipun penggunaannya tidak kerap namun, ia mampu memberikan variasi terhadap penggunaan bahasa oleh penutur.

Contoh:

- i. Kepada kita umat Islam, hal-hal yang seperti ini bukan perkara baru kepada kita kerana Allah s.w.t telah menunjukkan kepada kita dalam Al-Quran Nur Karim.
- ii. Kalau PAS memerintah Malaysia... orang bukan Islam habis... Habis kena macam-macam. Hududlah, itulah, kerat tangan... macam-macam. Padahal kerat tangan ni bukan mudah.
- iii. Kita bersungguh untuk melaksanakan Islam. Bukan main-main. Kita dahulukan dengan perkara yang menjadi bidang kuasa kerajaan negeri.

Dalam contoh (i) di atas, *bukan perkara baru* bermaksud hal atau perkara yang telah sedia diketahui oleh seseorang sebelum ini. Penutur menggunakan bahasa bukan tersebut untuk menerangkan tentang kemusnahan yang berlaku di dunia ialah

angkara daripada perbuatan manusia sendiri. Penutur telah mengandaikan perkara ini telah sedia diketahui oleh khalayak.

Dalam contoh (ii), *bukan mudah* antonimnya ialah sukar. Penutur mengujarkan unsur ini apabila memperkatakan tentang salah satu hukum hudud, iaitu hukuman potong tangan yang bukanlah boleh dijatuhkan dengan sewenang-wenangnya ke atas pesalah. Penutur telah membidas kenyataan pihak parti lawan yang cuba menakut-nakutkan masyarakat bukan Islam terutama di Kelantan dan Terengganu bahawa mereka akan tertakluk di bawah hukuman yang sama apabila PAS dibenarkan melaksanakan hukum hudud di kedua-dua buah negeri tersebut. Dalam contoh (iii) pula, penutur menegaskan bahawa beliau *bukan main-main* (antonimnya bersungguh-sungguh) untuk melaksanakan pembaharuan untuk membangunkan negeri Terengganu dengan bercirikan keislaman.

Dalam ketiga-tiga contoh yang dibincangkan, ternyata 'bukan' yang digunakan oleh penutur bermaksud perkara yang sebaliknya. Selain itu, penggunaannya juga seolah-olah merupakan satu penegasan oleh penutur tentang perkara yang sedang diperkatakannya.

3.2 Bahasa Kiasan

Bahasa kiasan merupakan ungkapan kata-kata yang menjadikan bahasa Melayu lebih indah dan istimewa. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (1994 : 239) ia merupakan bahasa yang diucapkan tentang sesuatu perkara dan perkara tersebut dibandingkan dengan perkara yang lain. Ini berlaku apabila penutur membandingkan sesuatu dengan menyebut bandingan atau tanpa menyebut bandingan lain.

Tujuan penggunaan bahasa kiasan adalah untuk menjelaskan sesuatu perkara atau menjadikan kata-kata yang diucapkan lebih jelas dan terang. Di samping itu, bahasa kiasan juga boleh menguatkan makna sesuatu perkara yang diperkatakan. Za'ba (2002: 195) berpendapat bahasa kiasan ialah:

“Bahasa yang mencakapkan sesuatu perkara dengan mengiaskannya kepada lain perkara sama ada dengan menyebut bandingan di antaranya atau dengan tiada menyebutkan bandingan lagi; tujuannya supaya menambahkan terang sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dan menguatkan maknanya.”

Menurut Raminah & Rahim (1985: 301) pula, bahasa kiasan adalah:

“... bentuk bahasa yang memperkatakan sesuatu dengan mengiaskannya kepada perkara yang lain sama ada dengan menyebut bandingannya ataupun tidak.”

Rumusannya, bahasa kiasan adalah satu bentuk bahasa yang bukan sahaja indah, bahkan juga bersifat estetik yang menyangkut keindahan isi, makna, dan rasa pada keseluruhannya. Penggunaannya secara tidak langsung dapat menghidupkan suasana, *mood*, situasi, dan juga menghidupkan serta memperluas rasa, sensitiviti dalam makna dan erti (Keris Mas, 1988: 125).

Dalam kempen pilihan raya, calon-calon parti turut memperlihatkan pelbagai gaya bahasa kiasan yang menarik sesuai dengan tujuan utama kempen, iaitu untuk menarik perhatian pendengar terhadap mesej-mesej yang disampaikan dan seterusnya menyokong seseorang calon sebagai pemimpin.

Berdasarkan kajian, antara jenis bahasa kiasan yang ditemui dalam ceramah politik Abdul Hadi Awang ialah:

- i. Kiasan asal
- ii. Kiasan berpindah
- iii. Kiasan pemanusiaan

3.2.1 Kiasan Asal

Menurut Za'ba (2002:196) kiasan asal ialah kiasan yang menyebut bandingan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara terang-terangan dengan menggunakan ungkapan seperti, umpama, ibarat, laksana, dan sebagainya. Raminah

& Rahim (1985: 302) memberikan definisi yang ringkas iaitu kiasan yang menyebutkan bandingannya dengan terang.

Kiasan asal juga dianggap sebagai kiasan simili. Kiasan ini merupakan ungkapan yang menggunakan bandingan. Bandingan tersebut sangat jelas kerana ia didahului oleh perkataan *seolah-olah, ibarat, bak, seperti, laksana, macam, bagai, dan umpama* (Kamarudin & Siti Hajar, 1997: 40-41). Namun, dalam bahasa kiasan ini, bandingan yang dibuat mestilah berlainan; bandingan yang serupa tidak dibenarkan. Misalnya bandingan antara lembu dengan lembu dan manusia dengan manusia tidak dibenarkan dalam kiasan asal, bahkan ini tidak dianggap sebagai bahasa kiasan (Ab. Razak Ab. Karim, 1994: 240).

Daripada kelima-lima jenis data kajian, Abdul Hadi Awang jarang menggunakan kiasan jenis ini dan hanya terdapat tiga contoh kiasan asal yang menggunakan perkataan **macam, laksana, dan seperti**.

Contoh:

- i. Bukan menunjukkan Barisan Nasional makin kuat, macam kita tengok orang yang nazak atau binatang yang hendak mati akan menerajang dan menendang apa sahaja, akan meragut apa sahaja.
- ii. Ada yang dijajah oleh Inggeris, yang dijajah oleh Belanda, yang dijajah oleh Itali, yang dijajah oleh Perancis dan lain-lain menyebabkan umat Islam laksana anak-anak ayam yang kehilangan ibu.

- iii. Orang yang berpegang dengan Islam pada masa itu seperti berpegang dengan bara api, berpegang dengan perkara yang menyakitkan, perkara yang menekan, bukan seperti keadaan yang berlaku pada hari ini. Mereka yang berminat dengan Islam tidak memahami pahit-maung apa yang dialami ketika Islam itu diperjuangkan di awal-awal tahun 50-an.

Dalam contoh (i), penutur membandingkan keadaan Barisan Nasional yang dikatakan 'makin lemah' seperti manusia yang sedang nazak atau binatang yang hendak mati. Penutur seolah-olah ingin memberitahu khalayak bahawa setiap perkara yang dilakukan oleh Barisan Nasional tidak mampu menunjukkan kekuatannya bahkan hanyalah bertujuan untuk menutup kelemahan-kelemahan yang ada pada parti itu.

Dalam contoh (ii), penutur menyamakan keadaan negara-negara Islam yang mula berpecah-belah lantaran dijajah oleh kuasa-kuasa Barat seperti Inggeris, Belanda, Itali, dan Perancis, dengan keadaan anak-anak ayam yang kehilangan ibu.

Bagi contoh (iii) pula, penutur membandingkan kesengsaraan umat Islam Malaysia di awal tahun 50-an seperti berpegang dengan bara api. Mereka hidup dalam serba kepayahan ketika di awal perjuangan membentuk sebuah parti yang bertunjangkan Islam.

Jika diteliti, tujuan penutur di sini hanyalah untuk meraih perhatian dan simpati khalayak dengan mendedahkan kelemahan parti UMNO serta memaparkan tentang kesukaran yang dialami oleh tokoh-tokoh awal parti PAS yang terpaksa bersusah payah untuk menubuhkan sebuah parti Islam di Malaysia. Selain itu, penutur cuba menggambarkan kesengsaraan penduduk negara Islam lain apabila umat Islam di sana tidak bersatu padu dan hidup di bawah kekuasaan penjajah Barat.

3.2.2 Kiasan Berpindah

Za'ba (2002: 197) menakrifkan kiasan berpindah sebagai semua jenis bahasa kiasan yang tidak lagi menyebutkan bandingan. Perkara yang dimaksudkan berpindah kepada benda yang dibandingkan itu sahaja. Lantaran itu kita dapati bahasa kiasan tersebut sebenarnya merujuk kepada maksud yang lain. Menurut Raminah & Rahim (1985: 302), kiasan berpindah ialah kiasan yang tidak menyebutkan bandingan sebaliknya terus berpindah kepada benda bandingan itu sendiri.

Kiasan berpindah ini lebih kuat unsur kiasannya daripada bahasa kiasan yang hanya menyebut unsur bandingan kerana dua benda yang dibandingkan itu seolah-olah telah menjadi satu. Ini kerana, dalam kiasan berpindah, kata-kata perbandingan ini mengalami pengguguran dan kata yang hendak dibandingkan itu dicantumkan terus dengan benda yang dibuat perbandingan (Ab. Razak Ab. Karim, 1994: 240).

Za'ba menyebut bahawa sekurang-kurangnya terdapat tujuh jenis kiasan berpindah, iaitu kiasan sandar, kiasan terus, kiasan berangkap, kiasan berbunga, kiasan gayang atau pemanis, kiasan melompat, dan kiasan melarat.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua jenis kiasan yang akan dibincangkan. Ini kerana ditemui 4 jenis kiasan berpindah dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang seperti yang berikut:

- i. Kiasan sandar
- ii. Kiasan terus
- iii. Kiasan berbunga
- iv. Kiasan melarat

3.2.2.1 Kiasan Sandar

Menurut Za'ba (2002: 197) kiasan sandar ialah kiasan yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu perkara yang disandarkan kepada sesuatu benda. Perkara yang disandarkan itu dianggap sebagai kepunyaan benda itu sama ada dari segi perbuatan atau sifat.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (1994: 241) pula, kiasan sandar ialah sesuatu kiasan yang dikaitkan dengan benda lain disebabkan keupayaan, sifat atau perbuatan

benda tersebut menyerupai perkara yang dikiaskan. Kiasan sandar merupakan simpulan bahasa yang mempunyai makna yang khusus dalam bahasa Melayu.

Dalam ceramah politik oleh Abdul Hadi Awang, penggunaan kiasan sandar turut digunakan bagi mewarnai penggunaan bahasa memujuknya. Penggunaan bahasa kiasan jenis ini mudah difahami dan tidak memerlukan khalayak berfikir panjang tentang maksud oleh penutur.

Contoh:

- i. Dalam pilihan raya Teluk kemang, terbukti orang-orang yang bukan Islam sudah celik mata.
Celik mata bermaksud sedar dan insaf. (Abdullah & Ainon, 1994:38)
- ii. Mereka tidak sedar mereka telah kalah ataupun mereka pejamkan mata, tidak menerima hakikat kekalahan dan mereka mengada-adakan berbagai isu untuk menakut-nakutkan pengundi-pengundi bukan Islam.
Pejam mata bermaksud tidak ambil peduli.(Abdullah & Ainon, 1994:126)
- iii. Mahkamah UMNO ialah untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang UMNO dalam politik wang.
Politik wang bermaksud taktik mendapatkan sokongan dengan menggunakan wang atau rasuah.(Abdullah & Ainon, 1994:130)
- iv. Dia tak tahan. Dia berhenti, dia lari, dia diam ataupun dia berpihak kepada musuh, dan yang keduanya orang yang gopoh, yang mahu kemenangan dengan cepat, belum masak.
Belum masak bermaksud belum pandai, masih muda, tidak matang.(Abdullah & Ainon, 1994:20)
- v. Kalau orang putih ada dua mahkamah, ha, ada mahkamah syariah, dia tambah satu lagi, iaitulah mahkamah UMNO.

Orang putih bermaksud orang Barat.(Abdullah & Ainon, 1994:121)

Berdasarkan contoh (i), *celik mata* membawa makna tersirat dan tersurat. Secara tersurat, ia bermaksud keadaan mata yang terbuka dan tidak tertutup manakala makna tersiratnya pula ialah seseorang yang yang sedar dan insaf tentang sesuatu perkara atau perbuatan.

Dalam contoh (ii) pula, ungkapan *belum masak* bukanlah merujuk kepada buah-buahan atau masakan namun, ia merujuk kepada tahap pemikiran seseorang individu yang masih belum matang. Dalam pertuturan sehari-hari, penutur bahasa Melayu sering menggunakan unsur kiasan seperti dalam contoh (v), iaitu *orang putih*. Masyarakat Melayu telah sedia memahami bahawa *orang putih* yang dimaksudkan bukanlah merujuk kepada orang Cina meskipun mereka juga berkulit putih, tetapi merujuk kepada orang-orang Inggeris.

Penggunaan unsur kiasan dalam bahasa politik mencerminkan kepelbagaian teknik berbahasa untuk memujuk perasaan khalayak yang mendengar. Apatah lagi unsur kiasan yang diguna pakai oleh penutur sering dituturkan oleh masyarakat sebagai bahasa basahan.

3.2.2.2 Kiasan Terus

Menurut Za'ba (2002: 198) kiasan terus ialah kiasan yang mengaitkan secara langsung sesuatu benda atau perkara dengan benda yang lain. Dalam data ceramah, aspek penggunaan kiasan terus juga turut terdapat.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (1994: 193), kiasan terus ialah bentuk kiasan yang menyatakan sesuatu perkara secara terus terang dengan benda lain. Kiasan terus kebanyakannya telah menjadi simpulan bahasa dan digunakan dalam kehidupan masyarakat kita sehari-harian. Misalnya contoh-contoh berikut:

Contoh:

- i. Padahal Amerika adalah negara yang memperjuangkan demokrasi... yang menentang kuku besi tetapi kuku besi dibenarkan di negara umat umat Islam.
Kuku besi maksudnya merintah secara paksa dan zalim, pemerintahan diktator.(Abdullah & Ainon, 1994:84)
- ii. Ini peraturan-peraturan yang kata orang pendek akal. Kita yakin dan percaya bila dia buat peraturan-peraturan macam ini, cara macam ini.
Pendek akal maksudnya kurang luas fikiran. (Abdullah & Ainon, 1994:127)
- iii. PAS menerima dengan sabar, dengan dada terbuka terus menyertai pilihan raya, tidak ada demonstrasi.
Maksud dada terbuka ialah sedia mendengar pendapat orang. (Abdullah & Ainon, 1994:41)

Dalam contoh (i) *kuku besi* dari segi semantikanya, merupakan dua perkara yang berlainan, iaitu setiap satunya mendukung makna yang berbeza. Menurut Kamus Dewan (2002:722 dan 149) 'kuku' adalah "*selaput atau bahagian keras yang tumbuh pada hujung jari manusia...*" manakala 'besi' adalah "*logam berwarna putih perak...*" namun, apabila disatukan 'kuku besi' membawa makna yang satu iaitu, pemerintahan secara diktator.

Dalam contoh (ii) istilah 'akal' bermaksud budi dan fikiran manakala 'pendek' bermaksud tidak panjang dan tidak tinggi. Pendek akal merujuk kepada pemikiran tidak luas yang menyebabkan seseorang individu itu sering mengambil tindakan melulu.

Dalam contoh (iii) pula, 'dada terbuka' bukanlah merujuk kepada bahagian dada yang terdedah atau tidak bertutup tetapi merujuk kepada keikhlasan dan kerelaan seseorang menerima sesuatu perkara tanpa ada sebarang rungutan. Di sini jelas bahawa penutur tidak hanya mementingkan isu-isu yang diperkatakan tetapi turut teliti semasa menggunakan bahasa agar maksud yang ingin disampaikan kepada khalayak diterima dengan jelas dan terang.

3.2.2.3 Kiasan Berbunga

Menurut Za'ba (2002: 199) kiasan berbunga ialah kiasan yang menggambarkan sesuatu maksud dengan perkataan yang berbunga hingga menerbitkan suatu gambaran yang menarik di hati pendengar.

Maksud yang sama juga diberikan oleh Ab. Razak Ab. Karim (1994: 242), iaitu kiasan berbunga merupakan jenis kiasan yang menggambar sesuatu maksud dengan menggunakan kata-kata indah sehingga menerbitkan suatu pelukisan yang indah dan cantik apabila didengar orang.

Penggunaan bahasa berbunga turut memperlihatkan kepada kita tentang kayanya nilai estetika yang terkandung dalam bahasa Melayu. Ia bukan sahaja mampu digunakan dalam bahasa pertuturan harian bahkan juga dalam ceramah-ceramah politik. Dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang juga diselitkan nilai estetika ini sewaktu menyampaikan hujah-hujahnya kepada khalayak, contohnya:

Contoh:

- i. Mereka yang menubuhkan Parti Islam SeMalaysia (PAS) pada tahun 1951 adalah terdiri dari kalangan mereka... ketika perjuangan Islam melalui jalan yang penuh onak dan duri, ketika Islam tidak ada khalifah...

- ii. Ada yang gugur di tengah jalan dan ada yang lari bertempiran kerana tidak tahan menghadapi ujian itu tetapi PAS tidak lari.
- iii. Kita menyatakan Islam ketika Islam diletakkan di kandang orang salah. Islam dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan.
- iv. Betapa hebatnya serangan pemikiran negara Islam sehingga fitrah negara Islam ditentang oleh umat Islam sendiri.
- v. Asia Tengah menjadi kolam darah, masjid-masjid dikosongkan, ulamak-ulamak dibunuh atau berhijrah ke mana-mana sahaja pelusuk dunia.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, tergambar nilai keindahan bahasa oleh penutur dalam mengungkapkan sesuatu sedangkan penutur boleh menyatakannya secara mudah tanpa perlu menggunakan bahasa berbunga. Misalnya dalam contoh (i) penutur boleh menggunakan perkataan ‘rintangan’ bagi menggantikan ungkapan ‘onak dan duri’.

Dalam contoh (ii), penutur boleh menuturkan “gagal sampai ke matlamat akhir” bagi menggantikan ungkapan “gugur di tengah jalan”. Dalam contoh (iii), ungkapan ‘Islam diletakkan di kandang orang salah’ merujuk kepada agama Islam yang telah dilabelkan sebagai sebuah agama yang membawa kemusnahan kepada dunia. Agama merupakan sesuatu yang bersifat abstrak kerana agama merujuk kepada pegangan hidup seseorang individu sedangkan ‘kandang orang salah’ adalah benda yang wujud, iaitu tempat atau ruang yang berpagar (Kamus Dewan, 2000: 570). Di sinilah wujud ciri keindahan apabila penutur cuba meletakkan sesuatu yang abstrak kepada sesuatu yang konkrit. Justeru, ini menunjukkan bahawa dalam

pemujukan, penggunaan bahasa yang penuh dengan unsur kehalusan adalah penting bagi merayu emosi khalayak yang mendengar.

3.2.2.4 Kiasan Melarat

Menurut Za'ba (2002: 201) kiasan melarat ialah kiasan yang terbit pada perkataan-perkataan yang tanpa disedari ia adalah kiasan kerana sudah jauh melarat daripada maknanya yang asal.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (1994: 244), kiasan melarat ialah kiasan yang terbit daripada perkataan yang sudah menyimpang jauh daripada maksud asal perkataan tersebut. Kiasan melarat juga merupakan satu kata yang bercantum dengan kata lain untuk menghasilkan maksud yang berbeza daripada kata asal. Ini berlaku apabila kedua-dua kata tersebut mendukung makna yang khusus dalam bahasa Melayu.

Dalam data ceramah oleh Abdul Hadi Awang yang dikaji, terdapat juga penggunaan beberapa kiasan melarat. Misalnya seperti contoh-contoh berikut:

Contoh:

- i. Berbeza dengan jemaah yang lain dan kumpulan yang lain, apabila ketua lari maka anak buah-anak buah yang ada di belakang ketua itu akan ikut lari.

Anak buah bermaksud anak saudara atau orang di bawah jagaan seseorang ketua. (Abdullah & Ainon, 1994:7)

- ii. Yang lain daripada Islam tinggal menjadi teori, menjadi pandangan, menjadi buah fikiran yang mempunyai kelemahan-kelemahan yang banyak, yang baru hendak diuji dan dicuba dan terbukti kegagalan di dalam ujian-ujian dan percubaannya. *Buah fikiran bermaksud pendapat atau idea. (Abdullah & Ainon, 1994:30)*
- iii. Perjuangan Islam di *tanah air* kita bermula sejak beratus-ratus tahun yang lalu dan perjuangan ini menghadapi cabaran apabila datangnya penjajah, bermula daripada penjajah Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun. *Tanah air bermaksud negeri tempat seseorang dilahirkan. (Sulaiman Masri, 1998:134)*
- iv. Melalui kemerdekaan yang dirancang ini... bahawa mana-mana tanah jajahan yang diberikan kemerdekaan hendaklah dilantik anak negeri yang boleh meneruskan undang-undang mereka, yang meneruskan sistem mereka dan meneruskan ajaran mereka. *Tanah jajahan bermaksud negeri atau negara yang dijajah oleh negara besar yang lain dan anak negeri maksudnya penduduk negeri. (Sulaiman Masri, 1998:134 dan 10)*
- v. Mereka yang kembali kepada Allah hanyalah mereka yang beriman, mereka yang lembut hatinya, yang khusyuk hatinya, yang merendah diri kepada Allah s.w.t, yang menyedari akan kelemahan dirinya sebagai manusia yang mesti bergantung kepada Allah s.w.t. *Lembut hati bermaksud tidak pemarah dan mudah dipujuk. (Abdullah & Ainon, 1994:62)*
- vi. Wahai Tuhan, binasakanlah harta benda mereka dan tutuplah pintu hati mereka. *Pintu hati bermaksud perasaan. (Abdullah & Ainon, 1994:130)*

Berdasarkan contoh-contoh di atas, terdapat empat perkataan yang mendukung ciri kiasan melarat, iaitu *anak* (anak buah dan anak negeri), *tanah* (tanah

air dan tanah jajahan), *buah* (anak buah dan buah pikiran), dan *hati* (lembut hati dan pintu hati). Keempat-empat perkataan ini mengalami perubahan makna apabila bercantum dengan perkataan yang lain. Misalnya contoh (i) dengan contoh (ii). Ungkapan *anak buah* dan *buah pikiran* mempunyai maksud yang berbeza, iaitu *anak buah* merujuk kepada anak saudara atau orang di bawah jagaan seseorang ketua sedangkan *buah pikiran* merujuk kepada pendapat.

Begitu juga dengan contoh (v) dan (vi) yakni daripada perkataan 'hati', telah timbul ungkapan *pintu hati* dan *lembut hati* dan setiap satunya mendukung sinonim yang berbeza. Keindahan unsur kiasan melarat ini mampu memberikan kesan yang menarik terhadap bahasa memujuk yang digunakan oleh Abdul Hadi Awang dalam ceramah-ceramahnya.

3.2.3 Kiasan Pemanusiaan

Menurut Za'ba (2002: 202) kiasan pemanusiaan ialah kiasan yang menyamakan benda yang tidak bernyawa ataupun binatang-binatang seolah-olah tahu berfikir, berkata-kata dan berkelakuan seperti manusia. Kamarudin & Siti Hajar (1997: 46) mengatakan terdapat dua peringkat kiasan pemanusiaan, iaitu dibandingkan seperti manusia dan disifatkan seperti manusia. Kiasan pemanusiaan yang membandingkan benda-benda tidak bernyawa atau binatang dengan manusia

tidak terdapat dalam data ceramah yang dikaji. Kiasan pemanusiaan yang bersifat manusia boleh dilihat dalam contoh berikut:

Contoh:

- i. Apa yang berlaku menunjukkan Barisan Nasional sudah nazak.
- ii. Oleh kerana segolongan terpelajar dihentam habis-habisan, pegawai kerajaan, pusat-pusat pengajian tinggi dibelasah dan dihentam habis-habisan.
- iv. Sesungguhnya Allah menulis, memberi pahala kebajikan amal baik yang dilakukan oleh seseorang kamu dalam apa perkara sahaja.
- v. Allah s.w.t melahirkan Sultan Salahuddin Al-Ayubi, bangkit bersama-sama umat Islam menentang kemaraan Salibiyah.
- vi. Adakah sekiranya Muhammad mati ataupun dia dibunuh, maka tumit-tumit kamu berpaling?

Dalam contoh-contoh di atas, ternyata perkataan-perkataan yang bergaris adalah perbuatan yang hanya boleh dilakukan oleh manusia dan juga terjadi kepada manusia. Tidak mungkin untuk seseorang itu membelasah dan menghentam sesuatu yang tidak hidup dan bernyawa seperti pusat-pusat pengajian tinggi dan juga adalah mustahil untuk Allah s.w.t 'melahirkan' seseorang manusia kerana sifat Allah s.w.t itu sendiri adalah tidak '*beranak dan diperanakan*' (Surah Al-Ikhlâs : 3). Namun begitu, khalayak masih memahami bahawa yang dibelasah dan dihentam itu adalah mereka yang menghuni di pusat-pusat pengajian tinggi.

Penggunaan kiasan pemanusiaan seperti di atas memperlihatkan penutur turut mementing nilai estetika sewaktu berbahasa, iaitu dengan memberikan sifat-sifat manusia kepada benda-benda yang bukan hidup. Ini bertepatan dengan sifat bahasa yang penuh dengan unsur simbolik. Di samping itu, secara tidak langsung penggunaannya menunjukkan bahawa bahasa Melayu kaya dengan nilai keindahannya.

3.3 PEMILIHAN DIKSI.

Menurut Hashim Awang (1987: 15), diksi ialah pemilihan dan penyusunan kata-kata. Diksi yang baik selalunya memperlihatkan pemilihan dan penyusunan kata yang disesuaikan dengan pengertian dan penggunaannya yang tepat dengan pokok persoalan, peristiwa, nada dan jelas.

Gorys Keraf (2000: 24) telah membuat tiga kesimpulan berkenaan diksi iaitu:

- i. Pertama, pilihan kata atau diksi mencakup pengertian kata-kata mana yang dipakai untuk menyampaikan suatu gagasan, bagaimana membentuk pengelompokan kata-kata yang tepat atau menggunakan ungkapan-ungkapan yang tepat, dan gaya mana yang paling baik digunakan dalam suatu situasi.

- ii. Kedua, pilihan kata atau diksi adalah kemampuan membedakan secara tepat nuansa-nuansa makna dari gagasan yang ingin disampaikan, dan kemampuan untuk menemukan bentuk yang sesuai (cocok) dengan situasi dan nilai rasa yang dimiliki kelompok masyarakat pendengar.
- iii. Ketiga, pilihan kata yang tepat dan sesuai hanya dimungkinkan oleh penguasaan sejumlah besar kosa kata atau perbendaharaan kata bahasa itu. Sedangkan yang dimaksudkan perbendaharaan kata atau kosa kata suatu bahasa adalah keseluruhan kata yang dimiliki oleh sebuah bahasa.

Berdasarkan penjelasan ini, data kajian menunjukkan hanya tiga unsur yang terdapat. Tiga unsur tersebut ialah:

- i. unsur pengulangan
- ii. metafora
- iii. penggunaan kata dalam medan makna yang sama

3.3.1 Unsur Pengulangan

Menurut Gorys Keraf (2000: 127) unsur pengulangan atau repetisi ialah pengulangan bunyi, suku kata, kata atau bahagian ayat yang dianggap penting untuk memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Dalam ceramah-ceramah politik, unsur pengulangan kerap digunakan oleh penceramah. Tujuan utamanya untuk mengukuhkan fakta yang diperkatakan di samping memberikan kesan yang lebih terhadap emosi khalayak.

Dalam aspek ini, perbincangan hanyalah berfokuskan pada pengulangan yang berbentuk kata atau frasa atau klausa. Lantaran nilainya yang tinggi, telah timbul berbagai-bagai variasi pengulangan dalam pidato-pidato yang dicipta oleh penutur atau pemedato. Pengulangan ini pada prinsipnya berdasarkan pengulangan yang berlaku dalam baris, klausa atau ayat.

Berdasarkan kajian, empat jenis unsur pengulangan ialah:

- i. anafora
- ii. epistrop
- iii. epanalepsis
- iv. anadiplosis

3.3.1.1 Anafora

Menurut Corbett (1971: 472), anafora merupakan pengulangan perkataan yang sama atau sekumpulan perkataan pada permulaan klausa secara berturutan. Dengan perkataan lain, anafora ialah pengulangan perkataan pada awal baris (Rahman Shaari, 1993: 5). Dalam data ceramah yang dikaji, pengulangan jenis ini turut terdapat dan kerap digunakan oleh Abdul Hadi Awang.

Contoh:

- i. Tidak berlaku dalam sejarah dunia tanpa rakyat, tidak berlaku dalam sejarah dunia bangsa yang menjajah menganut agama rakyat yang dijajah.
- ii. ...di mana mengikut amalan demokrasi, kita dibenarkan berucap, dibenarkan bersyarah, dibenarkan berdialog...
- iii. Penyebab yang sebenar bukan mereka yang hadir dalam majlis ini. Penyebab yang sebenar, penyebab yang sebenar bukannya hadir dalam majlis ini.
- iv. Kita perlu memahami secara ilmu bahawa Islam inilah satu agama yang baik, satu agama yang adil, satu agama yang membawa rahmat kepada seluruh umah manusia, bukan sahaja manusia Islam, termasuk juga manusia yang bukan Islam.
- v. Beri peluang kepada kita untuk melaksanakan Islam. Beri peluang. Beri peluang kepada kita untuk melaksanakan Islam.

Dalam contoh (i), bagi ayat pertama "*tidak berlaku dalam sejarah dunia tanpa rakyat*" merupakan idea yang ingin disampaikan oleh penutur tersekat-sekat lalu penutur mengulangi ungkapan *tidak berlaku dalam sejarah dunia* dan menyudahkannya dengan "*...bangsa yang menjajah menganut agama rakyat yang dijajah.*"

Contoh (iii) dan (iv) hampir mempunyai persamaan, namun jika diperhatikan pada contoh (iv), ayat ketiga mengalami pengulangan penuh ayat yang pertama manakala ayat kedua hanya mengalami pengulangan ungkapan awal iaitu '*beri peluang*'.

Dalam contoh (iii), pengulangan ungkapan *penyebab yang sebenar* pada ayat pertama telah diulang dua kali berturut-turut dalam ayat kedua. Begitu juga dengan frasa "*...bukan mereka yang hadir dalam majlis ini*" pada ayat pertama menyamai frasa "*...bukannya hadir dalam majlis ini,*" yang terdapat dalam ayat kedua. Penggunaan anafora dalam ucapan selain untuk tujuan penegasan ia mampu menghasilkan kesan emosi yang kuat kepada khalayak.

3.3.1.2 Epistrop

Corbett (1971:473) menjelaskan bahawa epistrop adalah sejenis pengulangan kata-kata yang sama atau kumpulan kata yang sama pada akhir klausa

yang berturutan. Definisi yang ringkas telah diberikan oleh Rahman Shaari (1993: 5), iaitu pengulangan perkataan pada akhir baris. Pengulangan ini memberikan rima pada ayat dan memberikan penekanan yang khusus pada elemen yang diulang. Dalam data ceramah yang dikaji, pengulangan jenis epistrop turut digunakan oleh Abdul Hadi Awang, antaranya:

Contoh:

- i. Mereka takut penyelewengan mereka didedah. Mereka takut penipuan mereka didedah. Mereka takut kejahatan mereka didedah. Mereka takut kezaliman mereka didedah, dengan mereka menimbulkan berbagai-bagai isu.
- ii. Dengan harta-benda mereka beli rakyat, mereka rasuah rakyat, mereka ugut rakyat, mereka gajikan, upahkan bala tentera untuk menakut-nakutkan rakyat.
- iii. Kita menyatakan berkenaan dengan hudud, menyatakan dan membuktikan betapa tidak fahamnya mereka berkenaan dengan hukum hudud. Mereka tidak mengerti berkenaan dengan hukum hudud.

Dalam contoh (i) dan (ii), pengulangan perkataan *didedah* dan *rakyat* berlaku beberapa kali manakala dalam contoh (iii) pula frasa *berkenaan dengan hukum hudud* telah diulang pada setiap akhir klausa. Pengulangan perkataan *didedah* dan *rakyat* dalam contoh (i) dan (ii) telah memberikan satu kesan rima suku kata akhir yang indah dengan ‘-dah’ dan ‘-yat’ yang diulang-ulang pada setiap akhir klausa tersebut.

3.3.1.3 Epanalepsis

Menurut Corbett (1971: 474), epanalepsis merupakan pengulangan kata pada akhir sesuatu klausa yang telah terdapat pada awal klausa. Beliau menjelaskan bahawa jenis pengulangan ini jarang terdapat dalam prosa. Epanalepsis ialah suatu bentuk pengulangan yang menghasilkan kesan emosi.

Dalam data ceramah oleh Abdul Hadi Awang, didapati bahawa pengulangan jenis epanalepsis kurang digunakan dan hanya terdapat satu contoh sahaja seperti yang di bawah.

Contoh:

- i. Adalah menjadi suatu kesilapan, makin banyak berzikir makin takut, makin banyak berzikir makin lari, makin banyak menyertai kegiatan yang dikatakan rohani makin memencilkan diri daripada menjalankan kerja-kerja Islam.

Dalam contoh di atas, pengulangan berlaku pada perkataan *makin* yang diulang pada akhir klausa seperti yang terdapat pada awal klausa sebelumnya. Pengulangan ini sebenarnya mampu membangkitkan satu kesedaran kepada pendengar bahawa amalan agama yang banyak tidak menjamin kebaikan kepada pengamalannya sekiranya sesuatu yang dilakukan itu tidak dilakukan demi agama.

3.3.1.4 Anadiplosis

Menurut Corbett (1971: 475), anadiplosis ialah pengulangan kata akhir dalam sesuatu klausa pada permulaan klausa yang berikutnya. Berbanding dengan pengulangan jenis epanalepsis, pengulangan jenis ini lebih kerap digunakan dalam ceramah oleh Abdul Hadi Awang antara contohnya ialah:

Contoh:

- i. Dalam masa yang sama UMNO dibenarkan. UMNO dibenarkan bersyarah di seluruh negara.
- ii. Ha, sekarang ini tindakan diambil di universiti, sudah diambil di jabatan-jabatan kerajaan, arahan-arahan yang memaksa polis, memaksa polis supaya menghalang ceramah-ceramah.
- iii. Kita mesti faham di sana ada perkara yang Allah Taala tak izin. Perkara yang Allah Taala tak izin ialah meletakkan anak kepada Allah, meletakkan isteri kepada Allah, meletakkan sekutu-sekutu bagi Allah.
- iv. Undang-undang Islam yang pertama yang telah diluluskan ialah undang-undang hisbah. Alhamdulillah, undang-undang hisbah ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri...

Dalam keempat-empat contoh di atas, didapati pengulangan ungkapan akhir dalam klausa pertama telah dilakukan pada awal klausa yang berikutnya. Dalam contoh (i), ungkapan *UMNO dibenarkan* yang terdapat pada akhir klausa pertama

telah diulang pada awal klausa yang kedua. Begitu juga dengan ungkapan *memaksa polis, perkara yang Allah Taala tak izin, dan undang-undang hisbah* dalam contoh (ii), (iii) dan (iv) yang turut mengalami proses perulangan yang sama seperti contoh (i).

Melalui penelitian yang dibuat, pengulangan yang dilakukan boleh digugurkan dalam ayat yang dituturkan. Misalnya dalam contoh (i), ayat tersebut boleh sahaja diujarkan sebagai "*Dalam masa yang sama, UMNO dibenarkan bersyarah di seluruh negara*". Penggunaan ayat yang pendek dalam perucapan akan memberikan impak yang lebih dan maksud yang ingin dijelaskan lebih mudah diterima oleh khalayak berbanding dengan penggunaan ayat yang panjang yang nyata boleh menimbulkan rasa bosan kepada khalayak. Di samping itu, penutur di sini seolah-olah cuba mencari kesempatan mencari idea terbaik untuk diujarkan untuk dipersembahkan kepada khalayak.

3.3.2 Metafora

Asmah Hj. Omar (2000: 70) mendefinisikan metafora sebagai bunga bahasa yang memberi sifat atau ciri sesuatu pada sesuatu yang lain, misalnya memberi ciri atau sifat benda atau binatang kepada manusia. Ini dilakukan secara langsung, tanpa menggunakan kata perbandingan seperti *sebagai, umpama, seperti, bak, dan sebagainya*.

Menurut Rahman Shaari (1993:1), metafora ialah bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Sesuatu objek atau abstraksi diberikan sifat objek lain dengan menganggap objek yang kedua itu mempunyai aspek-aspek persamaan dengan objek yang pertama.

Menurut Keris Mas (1988:144) pula, pada hakikatnya metafora itu dapat dikatakan ungkapan atau simpulan bahasa bermakna bandingan atau analogi kerana metafora tidak terikat lagi kepada makna dua lapis atau tidak pula memerlukan perantaraan perkara yang dijadikan perbandingan.

Justeru itu, menurut Idris Aman (2001: 260), metafora bukanlah sekadar dandanan stilistik yang dangkal sesebuah wacana. Ini kerana pada hakikatnya, apabila kita menyatakan sesuatu perkara melalui sesuatu metafora, maka kita membina realiti kita melalui cara berkenaan berbanding cara lain.

Dalam data ceramah oleh Abdul Hadi Awang, unsur metafora juga turut digunakan dalam mevariasikan penggunaan bahasanya. Bertepatan dengan tujuannya berucap, ketelitian memilih ungkapan menarik yang menandai sesuatu perkara amat penting agar bahasa yang diujarkan tidak kedengaran janggal. Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa penutur turut mementingkan aspek kebahasaannya dalam ceramah politik yang beliau adakan. Antara unsur metafora yang terdapat dalam data kajian adalah seperti yang berikut:

Contoh:

- i. Tiba-tiba *tumbuh* pula masjid-masjid di Asia Tengah. Masjid-masjid yang dahulunya diubah menjadi panggung wayang bertukar menjadi masjid semula. Masjid-masjid baru didirikan.
- ii. Walaupun demikian, kita tidak boleh memandang secara *percuma*. Makin musuh memandang kita lebih hebat, makin lebih jahat tindakan-tindakan mereka.
- iii. Apa yang dilaksanakan oleh kita di Kelantan hanya sebahagin kecil mengikut kadar bidang kuasa yang ada di peringkat negeri Kelantan sehingga Perdana Menteri mengeluarkan kenyataan yang lebih *laju* daripada apa yang kita laksanakan.
- iv. Bermacam-macam ujian dihadapi oleh Rasul-rasul. Adakah sekiranya Muhammad mati ataupun dia dibunuh maka tumit-tumit kamu *berpaling*?
- v. Kerajaan PAS *ditumbangkan* secara tidak bermoral melalui politik wang dan undi tidak percaya di Terengganu tahun 59. Kerajaan PAS di Kelantan *ditumbangkan* tahun 78 melalui pengisytiharan darurat yang dilakonkan.
- vi. Allah s.w.t *melahirkan* Sultan Salahuddin Al-Ayubi, bangkit bersama-sama umat Islam menentang kemaraan Salibiyah. Baitulmuqaddis dapat *dilepaskan* dan Islam dapat diselamatkan.

Dalam contoh-contoh di atas, unsur metafora dalam ungkapan tersebut adalah seperti yang berhuruf condong. Perkataan 'tumbuh' dalam contoh (i) misalnya, dalam ungkapan biasa boleh digantikan dengan 'terbina' kerana kita biasanya mendengar 'masjid-masjid dibina' sedangkan 'tumbuh' ini seringkali merujuk kepada tumbuhan. Bagi perkataan 'percuma' dalam contoh (ii), merujuk kepada 'pandangan yang tidak membawa makna' dan dalam contoh (iv) misalnya pula, 'tumit-tumit kamu berpaling' membawa erti 'pendirian seseorang yang berubah'.

3.3.3 Penggunaan Kata Dalam Medan Makna Yang Sama

Menurut Asmah Hj. Omar (2000: 76-77) maksud medan makna ialah sejulat makna yang keseluruhan atau sebahagiannya dikongsi bersama oleh dua perkataan atau lebih. Dalam penggunaan bahasa sehari-hari perkataan-perkataan yang serupa itu digolongkan sebagai kata-kata yang seerti atau sinonim. Kata-kata seperti ini pula digunakan oleh pembahas atau pemedato untuk memberi kesan pada ucapannya. Untuk tujuan ini jugalah kata-kata berkenaan diletakkan secara berjejeran.

Penggunaan kata dalam medan makna yang sama turut terdapat dalam data ceramah oleh Abdul Hadi Awang. Meskipun penggunaannya tidak terlalu kerap namun, sedikit sebanyak ia turut memberikan kesan terhadap teks ucapan penutur.

Contoh:

- i. Bukan kerana Islam ini salah, bukan kerana Islam ini zalim, bukan kerana Islam ini tidak betul. Semua mereka yang mengkaji Islam mengakui Islam adalah baik, Islam adalah adil, Islam adalah betul.
- ii. Ada Rasul yang sakit, ada Rasul yang mati dibunuh syahid.
- iii. Pensyarah-pensyarah ini hak cerdik, hak terpelajar.
- iv. ...padahal Amerika adalah negara yang memperjuangkan demokrasi, yang menentang diktator, yang menentang kuku besi tetapi kuku besi dibenarkan di negara umat Islam.

Dalam contoh (i), ungkapan *salah* dan *tidak betul* membawa pengertian yang sinonim. Begitu juga dengan ungkapan *baik*, *adil*, dan *betul* bagi menggambarkan ciri-ciri Islam itu berada dalam medan makna yang sama. Bagi contoh (iv) pula, *diktator* adalah makna bagi simpulan bahasa *kuku besi*. Jadi, kedua-duanya sebenarnya boleh saling bergantian.

Tujuan penutur menggunakan ungkapan yang bersinonim dalam rantaian frasa mampu mengukuhkan dan menjelaskan apa yang diperkatakan olehnya. Ini kerana, dalam komunikasi lisan penerimaan oleh pendengar amat dititikberatkan agar proses komunikasi yang berlaku mencapai maksud tujuannya. Selain itu, penggunaan perkataan yang berbeza tapi mempunyai maksud yang sama telah memberikan variasi terhadap ucapan oleh penutur.

3.4 Kesimpulan

Bab ini memfokuskan aspek penggunaan bahasa oleh Abdul Hadi Awang dalam ceramah-ceramah politiknya. Didapati bahawa, Abdul Hadi Awang memiliki gaya berbahasa yang tersendiri, bersesuaian dengan konteks pengucapannya.

Ini dapat dilihat melalui kepelbagaian ragam bahasa dan unsur kiasan yang dijalin dengan baik oleh penutur agar bahasa yang digunakannya hidup dan meyakinkan. Selain itu, untuk menonjolkan bahasanya agar tampak lebih menarik

dan indah, penutur didapati turut menyelitkan unsur metafora. Penggunaan unsur perulangan dan kata dalam medan makna yang sama pula mampu membuatkan bahasa yang dituturkannya lebih jelas dan mudah difahami dan ditanggap oleh khalayaknya.

Penggabungjalinan kesemua unsur bahasa ini bertujuan untuk menyentuh emosi khalayak dan seterusnya memujuk mereka agar terus memberikan sokongan yang padu kepada penutur dan parti yang dipimpin olehnya.